

5226/2

Tasawwur

Islam

Peperiksaan Percubaan SPM

Kertas 2

2 ½ jam

SOALAN GUNA SAMA SEKOLAH MENENGAH
DAERAH ASAJAYA, SAMARAHAN

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2017**

TASAWWUR ISLAM [5226/2]

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan.*
2. ***Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.*

Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak termasuk muka hadapan

Soalan 1 mesti dijawab.

Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah maksud Uluhiyyah? [2 markah]
 (ii) Nyatakan **dua** konsep Uluhiyyah. [2 markah]
 (iii) Terangkan **dua** peranan agama dalam membina tamadun manusia. [4 markah]
- (b) Hadis adalah sumber perundangan Islam yang kedua
 (i) Apakah maksud hadis? [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** peranan hadis sebagai penjelas terhadap al-quran. [4 markah]
 Orang yang meriwayatkan hadis dikenali sebagai perawi hadis.
 (iii) Nyatakan **dua** syarat perawi hadis. [2 markah]
- (c) Kedatangan artis luar negara sama ada secara individu atau berkumpulan telah memberi kesan negatif kepada akhlak remaja masa kini. Mereka membawa bersama budaya negatif yang bertentangan dengan agama Islam dan budaya masyarakat Islam. [4 markah]
 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah yang akan terjadi sekiranya budaya negatif ini tidak dibendung segera oleh pihak kerajaan?Jelaskan pandangan anda.
- 2 (a) (i) Nyatakan **empat** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam [4 markah]
- (b) Islam menuntut umatnya sentiasa melakukan kebaikan untuk mencapai kehidupan yang sejahtera.
 Senaraikan **dua** sifat mulia bagi mencapai matlamat tersebut. [2 markah]
- (c) Amir hendak bermusafir dari rumahnya di Kuala Lumpur menuju ke London pada musim panas yang akan datang.
- (i) Nyatakan **dua** cara solat yang sesuai dilakukan oleh Amir mengikut konsep Murunah. [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** hikmah diberikan kelonggaran kepada Amir untuk melaksanakan solat dengan cara yang tersebut. [4 markah]
- (d) (i) Nyatakan jenis-jenis agama beserta contoh. [4 markah]
 (ii) Terangkan **dua** sebab agama budaya (wad'ie) tidak diterima oleh Allah SWT. [4 markah]
- 3 (a) (i) Perlantikan hakim mestilah berdasarkan kelayakan tertentu. [4 markah]
 Senaraikan **empat** daripada kelayakan tersebut.
 (ii) Jelaskan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [4 markah]
- (b) Rakyat mempunyai tanggungjawab yang penting dalam pembentukan sesebuah negara. [4 markah]
 (i) Jelaskan **dua** tanggungjawab rakyat kepada negara. [4 markah]
 (ii) Terangkan **dua** implikasi pengabaian tanggungjawab rakyat terhadap [4 markah]

negara.

- (c) Keluarga merupakan sebuah institusi yang akan membentuk sesebuah negara. Huraikan bagaimana pembentukan keluarga bahagia dapat dicapai. [4 markah]
- 4 (a) (i) Apakah maksud hak milik? [2 markah]
 (ii) Senaraikan **empat** contoh harta yang menjadi milik negara [4 markah]
 (iii) Nyatakan **dua** cara pemilikan harta oleh individu. [2 markah]
- (b) Terangkan sifat peniaga yang berjaya. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** langkah mengatasi masalah pengangguran. [4 markah]
- (d)

<i>“Kejatuhanhargaminyak global kejutanekonomiterbesar” – BH online 1 Jan</i>

 Sebagai rakyat,apakah usaha anda bagi mengelakkan kegawatan ekonomi dalam negara anda? [4 markah]
- 5 (a) Islam telah menetapkan hukum sesuatu amalan kepada wajib, haram, sunat, makruh dan harus.
 (i) Jelaskan pengertian hukum wajib berserta dua contoh [4 markah]
 (ii) Terangkan **dua** implikasi meninggalkan perkara-perkara yang telah diwajibkan oleh Allah SWT tanpa sebab yang dibenarkan syarak. [4 markah]
- (b) Hukum haram ialah larangan Allah SWT yang mesti ditinggalkan.
 (i) Terangkan **dua** hikmah Islam mensyariatkan hukum haram. [4 markah]
 (ii) Cadangkan **dua** cara untuk mendorong rakan anda menjauhi perbuatan haram. [4 markah]
- (c) Ibadat terbahagi kepada dua iaitu ibadat khusus dan ibadat umum.Kedua-dua ibadat tersebut penting kerana ia menghubungkan manusia dengan Allah SWT dan menghubungkan sesama manusia dalam masyarakat untuk keharmonian hidup.Kedua-dua ibadat perlu dijaga melalui cara-cara tertentu agar mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat. [4 markah]
- Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan cara meningkatkan kualiti ibadat yang dilakukan.
- 6 (a) Senaraikan langkah yang sewajarnya anda lakukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** amalan dalam penyelesaian masalah. [4 markah]
- (c) (i) Sebagai seorang pelajar,terangkan **dua** cara yang boleh anda lakukan untuk membantu ekonomi keluarga anda. [4 markah]

- (ii) Jelaskan kelebihan umat Islam yang memiliki kemantapan ekonomi. [4 markah]

Terdapat segelintir remaja suka menghabiskan masa dengan perkara yang tidak berfaedah seperti melayari internet, melepak dan bermain video berbanding membaca al-Quran.

- (e) Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan implikasi sekiranya keadaan ini berterusan dilakukan oleh remaja. [4 markah]

- 7 (a) (i) Anda merupakan ketua di sebuah organisasi. Seorang pekerja anda didapati kerap bersikap tidak amanah dalam menjalankan tugas

Apakah tindakan yang anda perlu lakukan terhadap pekerja tersebut [4 markah]

- (ii) Sebagai seorang pencinta alam, cadangkan **dua** aktiviti yang boleh dijalankan di kawasan perkelahan untuk melahirkan insan cemerlang. [6 markah]

- (b) (i) Perpaduan ummah merupakan topik yang sering diperkatakan di kalangan masyarakat

Apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan ummah [4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** cara penyelesaian Islam dalam menangani perpecahan masyarakat. [4 markah]

- (c) Bincangkan keperluan penyelesaian masalah berdasarkan Islam. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT